



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL.1/2019

**KENYATAAN JABATAN MUFTI NEGERI PERAK BERKENAAN STATUS OPERASI DEWAN
PERKASA EKONOMI ISLAM NUSANTARA (DPEIN)**

Jabatan Mufti Negeri Perak menerusi panel penilai yang diketuai oleh S.S. Timbalan Mufti Negeri Perak dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang dilantik setelah menilai dan menimbang kenyataan yang diberikan oleh pihak Dewan Perkasa Ekonomi Islam Nusantara (DPEIN) berkaitan struktur perancangan ekonomi dan model bisnes yang diperkenalkan kepada awam sama sekali tidak pernah mengesahkan kaedah yang dikemukakan mengikut lunas Hukum Syarak sepertimana didakwa. Sebarang kelulusan Syarak (Shariah Endorsement) berkaitan sesuatu yang terkait dengan kepentingan dan kemaslahatan awam perlu dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dipengerusikan oleh S.S. Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan.

Perbincangan yang diadakan pada 16 Januari 2019 (Rabu) jam 3.00 petang adalah lebih menjurus kepada pemerolehan maklumat terhadap modus operandi termasuk struktur perancangan ekonomi dan model bisnes DPEIN. Perbincangan sama sekali tidak memfokuskan kepada meluluskan model bisnes atau pun sebaliknya lantaran tiada penerangan lengkap khususnya dari segi pemakaian prinsip Syarak dan struktur Syarak bagi model bisnes tersebut.

Pihak Jabatan Mufti Negeri Perak memahami hasrat pihak DPEIN untuk membina suatu model baru bagi membangunkan ekonomi ummah namun, adalah wajar objektif, tujuan dan pelaksanaan untuk memperkasakan ekonomi umat Islam itu sejajar dengan pertimbangan Syarak.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

17 Jamadil Awal 1440 H (Rabu)

23 Januari 2019 M